

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj  
[ Sungai Siput ]**

**TARIKH : 23 Mac 2015**

**SOALAN : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan taraf sara hidup petani di Malaysia terutama bagi penanam sayur-sayuran dan penternak lembu susu. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalak petani dan penternak kecil meningkatkan pengeluaran mereka.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pendapatan petani dan penternak.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan beberapa projek sayur-sayuran untuk membantu meningkatkan taraf sara hidup petani di Malaysia di samping membantu meningkatkan pengeluaran seperti:

- i. Projek Fertigasi Rakyat;
- ii. Projek Bantuan Bagi Peningkatan Pengeluaran Sayur-sayuran;
- iii. Projek Pakej Amalan Teknologi Sayur DAN Tanaman Kontan; dan
- iv. Projek Jom Bertani.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi membantu penternak kecil tenusu meningkatkan pendapatan dari pengeluaran iaitu seperti berikut:

- i. Menggalakkan pemasaran terus hasil tenusu kepada pemproses susu oleh penternak atau koperasi penternak bagi mendapat harga susu yang lebih baik terutamanya bagi hasil susu berkualiti premium;
- ii. Menyediakan kawasan penternakan tenusu di dalam kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang membolehkan penternak meningkatkan pengeluaran makanan ternakan di ladang;
- iii. Program latihan dan peningkatan kompetensi penternak dengan kerjasama pemproses susu yang terlibat secara langsung membeli susu penternak; dan
- iv. Penubuhan koperasi penternak lembu tenusu bagi menggalakkan kerjasama supaya bantuan diperlukan dapat disalurkan dengan mudah.